

07 SEP 2002

Najib-Kepimpinan/1

KEJAYAAN DR MAHATHIR ASAS KEPADA KEMAKMURAN BERTERUSAN NEGARA

PULAU PANGKOR, 7 Sept (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata pelbagai kejayaan besar yang dicapai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan asas kepada kemakmuran berterusan negara.

"Banyak jika tidak pun kesemua kejayaan Malaysia adalah daripada jasa Dr Mahathir. Beliau telah menukar Malaysia kepada sebuah negara membangun yang maju dan mempunyai masa depan yang penuh semangat," katanya.

Najib berkata visi Dr Mahathir untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju telah merungkai belunggu pemikiran dan membawa harapan kepada rakyat dalam keupayaan untuk mengubah masyarakat.

Beliau berkata demikian dalam uapctama bertajuk "Malaysia: Membina Sebuah Negara Pelbagai Bangsa Yang Moden dan Stabil" pada perasmian Forum Kepimpinan Glabal Asia yang dikenali juga sebagai "Pangkor Retreat", di sini hari ini.

Beliau berkata bakal pengganti Dr Mahathir iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak diragukan lagi merupakan pucuk pemimpin yang matang dan berpengalaman setelah berkhidmat dengan beberapa Perdana Menteri terdahulu.

Abdullah, yang kini Timbalan Perdana Menteri akan mengambil alih teraju pimpinan apabila Dr Mahathir bersara selepas Oktober tahun depan.

Najib berkata sedang seseorang tidak boleh terlalu menekan tentang peranan penting seorang pemimpin dalam menentukan kejayaan sesuatu negara, Malaysia bernasib baik sebab mempunyai pemimpin yang lahir pada masa yang tepat.

"Ia seolah-olah mereka ditakdirkan muncul pada detik tertentu dalam sejarah negara. Bermula daripada Tunku (Tunku Abdul Rahman) hingga kepada Dr Mahathir, mereka inilah pemimpin yang telah melakarkan negara pada peta dunia," kata beliau.

Beliau berkata dengan sifat Tunku yang ramah serta mempamerkan kemahiran diplomatik, ia adalah ideal ke arah mencapai kemerdekaan negara.

Najib berkata Perdana Menteri Malaysia kedua, Tun Abdul Razak (ayahanda Najib), pula memastikan sejak mula lagi benih pembahagian sama rata kekayaan negara tersemai.

Pengganti Tun Razak, Tun Hussein Onn telah memberikan peralihan yang licin dan meyakinkan sementara Dr Mahathir muncul ketika negara memerlukan seorang pemimpin yang mempunyai visi dan pencipta kejayaan, tambah beliau.

AR AZZ HM